

BAB LIMA

PENUTUP

A. PENDAHULUAN.

Pada bab ini penulis akan membuat kesimpulan secara menyeluruh dan terperinci terhadap segala perkara yang dibincangkan dalam disertasi ini. Segala kesimpulan akan disenaraikan satu persatu secara berurutan berdasarkan bab-bab yang sebelum ini. Selain dari itu bab ini juga mengandungi beberapa saranan yang difikirkan penting dan perlu bagi meneruskan penyelidikan dalam perkara yang berkaitan dengan disertasi ini.

B. KESIMPULAN.

Masyarakat manusia yang memiliki tulisan dianggap masyarakat yang telah mencapai tamadun yang tinggi. Sesungguhnya masyarakat Melayu telah mengenali tulisan sejak abad ke 7M iaitu tulisan *pallava* yang diperkenalkan oleh orang-orang Hindu. Apabila Islam datang, tulisan jawi pun diperkenalkan. Tulisan ini digunakan untuk memajukan intelektual bangsa Melayu. Mereka mula menulis pelbagai perkara meliputi sejarah, undang-undang, adat-istiadat, bahasa, falsafah, pemikiran, politik dan lain-lain.

Penulis telah mengambil manuskrip Melayu lama bertulisan jawi yang bertajuk *Taj al-Salatin* karangan Bukhari al-Jauhari dan *Bustan al-Salatin* karangan Syeikh Nuruddin al-Raniri sebagai bahan kajian. Kajiannya tertumpu kepada perbandingan aspek ketatanegaraan Islam yang terkandung di dalam kedua-dua teks.

Isi kandungan *Taj al-Salatin* dihuraikan dengan lebih ringkas berbanding dengan *Bustan al-Salatin*. Lazimnya *Taj al-Salatin* hanya mengemukakan fakta penting dengan contoh yang sangat terhad. Manakala *Bustan al-Salatin* mengemukakan sesuatu fakta dengan penerangan yang panjang lebar beserta contoh yang banyak.

Sarjana Melayu dan sarjana barat yang telah mengkaji *Bustan al-Salatin* tertarik dengan nilai sejarah yang terkandung di dalamnya. Syeikh Nuruddin menulis sesuatu tarikh dengan jelas. Ini merupakan satu pembaharuan dalam penulisan sejarah di alam Melayu. Penulis mendapati Syeikh Nuruddin juga sering kali menyatakan dengan jelas bahawa sesuatu fakta itu dikutip dari ahli sejarah. Ini membuktikan beliau sangat mengambil berat kesahihan sesuatu riwayat dan fakta yang dikemukakan.

Pada keseluruhannya Bukhari al-Jauhari dan Syeikh Nuruddin menumpukan isi kandungan kitab karangan mereka itu terhadap konsep-konsep ketatanegaraan Islam. Walau bagaimanapun mereka lebih menumpukan perhatian kepada jawatan-jawatan yang wujud dalam organisasi negara Islam iaitu imam (raja), qadi, menteri, pesuruh dan katib. Tanggungjawab, syarat-syarat pemegang jawatan tersebut dan ciri-ciri peribadi terbaik dihuraikan dengan terperinci. Selain dari itu mereka juga mengupas tentang kewajipan melantik raja atau pemerintah tertinggi, konsep keadilan, keadilan dan pemecatan raja.

Sewaktu menghuraikan jawatan-jawatan yang ada dalam sebuah negara Islam, kedua-dua pengarang telah memulakan perbincangan dari jawatan tertinggi iaitu raja, menteri, pesuruh dan katib. Syeikh Nuruddin membincangkan tentang qadi selepas jawatan menteri. Bukhari pula tidak menyebut langsung tentang jawatan qadi. Penulis berpendapat inilah pandangan Syeikh Nuruddin dan Bukhari al-Jauhari tentang struktur organisasi dalam sebuah pemerintahan Islam.

Bukhari al-Jauhari dan Syeikh Nuruddin telah berusaha menjelaskan bagaimana membentuk sebuah negara Islam yang sebenar berdasarkan al-Quran dan Hadis. Mereka telah mengemukakan dalil-dalil

al-Quran dan Hadis dalam setiap perkara yang dibincangkan. Huraianya pula diperkukuhkan dengan contoh-contoh yang sangat relevan. Misalnya tentang kezaliman, mereka mendatangkan contoh akibat yang diterima oleh raja yang zalim.

Penulis berpendapat kewujudan kedua-dua kitab ini saling lengkap melengkapi maklumat tentang ketatanegaraan Islam. Misalnya contoh-contoh tentang sesuatu konsep boleh didapati dengan banyaknya dalam *Bustan al-Salatin*. Contoh-contoh ini boleh menjadi pelengkap kepada konsep yang disebut dengan ringkas dalam *Taj al-Salatin*. Kewujudan kedua kitab ini sangat bermanfaat bagi masyarakat Melayu di zaman penulisan kitab-kitab ini.

C. SARANAN.

Setelah meneliti, menyelidik dan menulis disertasi ini, penulis mendapati masih banyak perkara yang berkaitan dengan disertasi ini yang perlu dikaji dengan mendalam dan ilmiah. Ini bagi memastikan khazanah ilmu peninggalan intelektual Melayu zaman silam, dikaji dengan sewajarnya, supaya masyarakat Melayu masa kini sedar bahawa mereka

memiliki warisan yang sangat berharga. Sesuatu mesti dilakukan supaya ianya tidak sia-sia.

Terdapat beberapa perkara yang penulis ingin kemukakan sebagai saranan agar penyelidikan ini dapat diteruskan dengan lebih mendalam demi manfaat masyarakat Melayu. Saranan-saranan tersebut ialah seperti berikut:-

1. Di dalam *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* terdapat banyak hadia-hadis yang dikemukakan sebagai dalil bagi sesuatu perkara yang dikemukakan. Hadis-hadis ini perlu dikaji satu persatu supaya terbukti ketelitian penulisnya dalam mengambil hadis-hadis sebagai hujah. Hasil kajian ini akan menghasilkan satu natijah yang penting iaitu bukti sejauhmana para penulis zaman silam peka kepada nilai hadis dan sejauhmana mereka menggunakan hadis dalam penulisan mereka.

2. Para penyelidik kitab *Bustan al-Salatin* mengagumi nilai sejarah yang dipaparkan oleh Syeikh Nuruddin. Namun begitu belum ada usaha penyelidikan yang terperinci dan ilmiah dilakukan ke atasnya. Masih banyak lagi nilai sejarah terutama cerita-cerita yang diriwayatkan di dalamnya. Kajian secara ilmiah terhadap perkara ini akan dapat-

memaparkan kesimpulan tentang sejauhmana nilai sejarah dipaparkan oleh Syeikh Nuruddin;

3. Nilai-nilai politik yang terkandung dalam *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* juga masih belum diselidiki dengan mendalam. kedua-dua kitab ada memaparkan struktur organisasi pemerintahan sebuah negara. Sejauh mana amalan politik di zaman itu mengamalkan struktur ini. Ini kerana kedua-dua buah kitab ditulis untuk panduan para pemerintah.

4. Di dalam kedua-dua buah kitab juga ada menyebutkan syarat-syarat bagi penyandang jawatan politik. Penyelidik boleh menyelidik amalan politik di alam Melayu di waktu itu dan sejauhmana syarat-syarat itu diamalkan. Dengan itu jawapan bagi persoalan sejauh mana kedua-dua kitab mempengaruhi amalan politik di zaman itu.

5. *Bustan al-Salatin* sebuah kitab yang sangat banyak isi kandungannya. Setakat ini masih belum ada usaha untuk mentransliterasikan semua isi kandungan ini dalam sebuah buku. Hanya Khalid Hussein yang mentransliterasikan bab 2 fasal 11. Penulis sangat berminat untuk memulakan usaha ini kerana telah memiliki salinan

manuskrip ini. Dengan usaha ini diharap akan dapat memudahkan para penyelidik lain yang ingin menyelidik manuskrip ini.

6. Para penyelidik juga boleh mengkaji dari aspek pengaruh kitab *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* dalam amalan pemerintahan kesultanan Melayu di zaman itu secara menyeluruh. Misalnya dari segi struktur organisasi pemerintahan, kedudukan orang-orang bukan Islam dalam negara-negara yang diperintah oleh kesultanan Melayu dan lain-lain lagi. Penyelidikan ini akan memberikan gambaran yang jelas tentang pengaruh Islam dalam amalan pemerintahan di alam Melayu.

D. PENUTUP.

Penulis berpendapat usaha melanjutkan lagi penyelidikan manuskrip *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* perlu dilanjutkan dengan secepat mungkin supaya hasilnya dapat memberi manfaat kepada para penyelidik yang terkemudian. Disertasi ini membuka satu lembaran baru terhadap kajian kedua-dua manuskrip Melayu lama yang sangat masyhur ini. Penyelidikan ini telah menganalisis dengan terperinci pemikiran politik Islam yang terkandung di dalam keduanya yang sangat berguna

dan bermanfaat bagi penyelidik yang ingin mengkaji aspek politik yang lain.